UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 149

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

Sebagaimana pada 1 Julai 2021

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

Tarikh Perkenan Diraja … … … … 30 Julai 1974

Tarikh penyiaran dalam *Warta* … … … 29 Ogos 1974

Kali terakhir dipinda melalui P.U. (A) 170/2021 yang mula berkuat kuasa pada … … … … … 14 April 2021

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama *1983*

Cetakan Semula Yang Kedua *1997*

Cetakan Semula Yang Ketiga *2001*

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 149

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK

3. Penubuhan Lembaga
4. Ahli silih ganti
5. Peruntukan kemudahan oleh Kementerian
6. Perjalanan mesyuarat Lembaga

BAHAGIAN III

KAWALAN PENGIMPORTAN DAN PENGILANGAN RACUN MAKHLUK PEROSAK MELALUI PENDAFTARAN DAN PERMIT

7. Permohonan bagi pendaftaran racun makhluk perosak
8. Pendaftaran dan penolakan untuk mendaftar
9. Tempoh pendaftaran
10. Kuasa untuk membatalkan pendaftaran

Seksyen

10A. Orang yang mendaftar hendaklah memberitahu Lembaga mengenai kesan buruk racun makhluk perosak

11. Rayuan terhadap keputusan Lembaga

12. Menyiarkan racun mahkluk perosak dalam *Warta*

13. Larangan mengenai pengimportan dan pengilangan, dan penalti

14. Pengimportan racun makhluk perosak bagi maksud pelajaran atau penyelidikan

14A. Penyelidikan atau percubaan atas racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan yang disintesis di Malaysia

BAHAGIAN IV

KAWALAN PENGILANGAN, PENJUALAN DAN PENYIMPANAN RACUN MAKHLUK PEROSAK MELALUI PELESENAN

15. Lesen untuk mengilang racun makhluk perosak

16. Pelantikan Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak

17. Lesen untuk menjual atau menyimpan racun makhluk perosak

18. Membatal dan menggantung lesen

19. Rayuan terhadap keputusan Lembaga atau Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak

20. Kesalahan yang berhubungan dengan pengilangan, penjualan, dan penyimpanan untuk jualan

BAHAGIAN V

KAWALAN KEHADIRAN RACUN MAKHLUK PEROSAK DALAM MAKANAN

21. Peraturan-peraturan untuk mengawal kehadiran racun makhluk perosak dalam makanan

22. Kemasukan, pemeriksaan dan penyitaan

23. Kuasa untuk meminta, memilih dan mengambil contoh

24. Hak untuk mendapatkan makanan dicerakinkan

25. Kesalahan menjual makanan tercemar

Seksyen

26. Kejahilan tentang pencemaran bukan suatu pembelaan

27. Pergantungan kepada waranti atau pernyataan bertulis adalah pembelaan

BAHAGIAN VI

KEMATIAN DAN KECEDERAAN YANG DISEBABKAN OLEH RACUN MAKHLUK PEROSAK

28. Melaporkan kemalangan, kematian dan kecederaan diri

29. Siasatan dan penyiasatan kemalangan, kematian dan kecederaan diri

30. Siasatan atau inkues dalam hal kematian yang disebabkan oleh racun makhluk perosak

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

31. Kemasukan, penggeledahan dan penyitaan

32. Kuasa untuk memberhentikan dan menggeledah kenderaan

33. Pengenalan pegawai apabila mengambil tindakan

BAHAGIAN VIII

CERAKINAN

34. Pelantikan Ahli Cerakinan

35. Cara mengambil contoh

35A. Masa untuk memulakan cerakinan

36. Mahkamah boleh memerintahkan cerakinan

37. Hak mencerakinkan racun makhluk perosak

38. Perakuan Ahli Cerakinan

39. Perakuan Ahli Cerakinan hendaklah menjadi keterangan *prima facie*

40. Mendapatkan bayaran dan perbelanjaan lain

BAHAGIAN IX

PROSIDING

Seksyen

41. Notis penyitaan, penahanan atau pemindahan

42. Aduan mengenai penyitaan, penahanan atau pemindahan

43. Saman

44. (*Dipotong*)

45. Anggapan mengenai pengimport atau pengilang

45A. Label sebagai keterangan bahawa bahan ialah racun makhluk perosak

45B. Anggapan bagi penjualan atau penyimpanan untuk jualan

46. Tanggungan ejen, pekhidmat, prinsipal dan majikan

47. Tanggungan pengarah dan pegawai lain pertubuhan perbadanan

48. Kesalahan mengenai contoh disifatkan kesalahan mengenai keseluruhan umpukan

49. Pelucuthakan bahan salah

50. Bidang kuasa

51. Keistimewaan daripada penzahiran

52. Pemberitahuan sabitan

BAHAGIAN X

AM

53. Memberi atau membuat maklumat atau pernyataan palsu

53A. Pemilikan atau penggunaan racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan dan penggunaan racun makhluk perosak dengan cara yang tidak diluluskan

54. Gangguan pada tanda rasmi

55. Kerahsiaan

56. Penalti am

57. Kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan

58. Pindaan Jadual

59. Pengecualian

BAHAGIAN XI

PINDAAN, PEMANSUHAN, DAN PENGECUALIAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN

Seksyen

60. Pemotongan bahan-bahan tertentu daripada P.T.M. 29/52

61. Kawalan di dalam Malaysia Barat bahan-bahan yang ialah racun dan juga racun makhluk perosak

62. Pemotongan bahan-bahan tertentu daripada Sabah Bab 100

63. Kawalan dalam Negeri Sabah bahan-bahan yang ialah racun dan juga racun makhluk perosak

64. Pemotongan bahan-bahan tertentu daripada Sarawak Bab 121

65. Kawalan dalam Negeri Sarawak bahan-bahan yang ialah racun dan juga racun makhluk perosak

66. Pemansuhan P.T.M. 15/49 dan Sabah Bab 99

67. Pindaan P.T.M. 29/52

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 149

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

Suatu Akta bagi mengawal racun makhluk perosak.

[*Seluruh Malaysia—15 April 1975, s.1-6, 16, 21-27, 34, 50-52, 55-59, P.U. (B) 118/75; Seluruh Malaysia—1 Disember 1976, s.7-12, P.U. (B) 637/76; Seluruh Malaysia—1 Februari 1981, s.53, P.U. (B) 48/81; Malaysia Barat—1 April 1981, s.13, 14, 31-33, 35, 36, 38-49, 54, 61, P.U. (B) 49/81: Malaysia Barat—1 Januari 1982, s.20(3), P.U. (B) 50/81; Malaysia Barat—1 Januari 1982, s.60, P.U. (B) 51/81; Sabah dan Sarawak—1 Januari 1982, s.13, 14, 31-33,35, 36, 38-49, 54, 61, P.U. (B) 52/81; Sabah dan Sarawak—1 September 1982, s.20(3), P.U. (B) 574/81; Malaysia Barat—1 April 1982, s.20(4), P.U. (B) 127/82; Sabah dan Sarawak—1 September 1982, s. 20(4),P.U.(B) 297/82; Seluruh Malaysia—1 September 1988, s.17-19, P.U. (B) 353/88; Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan— 1 Oktober 1991, s.20(1), 20(2), P.U. (B) 466/91*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen Malaysia dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*; dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Akta ini, atau peruntukan yang berlainan dalam Akta ini, dalam bahagian yang berlainan dalam Malaysia.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

"Ahli Cerakinan" ertinya seorang Ahli Cerakinan yang dilantik di bawah seksyen 34;

"binatang" ertinya—

(a) binatang yang berguna kepada manusia sebagai suatu punca makanan atau hasil perlu lain atau sebagai binatang pengangkut;

(b) binatang yang biasanya dipelihara sebagai binatang ternak atau sebagai binatang kesayangan;

(c) binatang yang diberi perlindungan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuat kuasa yang berhubungan dengan perlindungan hidupan liar;

(d) binatang yang ada faedahnya kepada pengeluaran hasil pertanian; atau

(e) binatang yang dihargai oleh kerana sifatnya yang digemari;

"bungkusan" ertinya apa-apa benda yang dalamnya atau dengannya sesuatu racun makhluk perosak atau apa-apa makanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dikandungkan, dibalut, ditutup atau diisikan;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan;

"kaedah-kaedah" dan "peraturan-peraturan" ertinya kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"label" ertinya apa-apa benda bertulis, bercetak atau bergrafik—

(a) yang dipasang, dilekatkan atau dicetak timbul, sama ada secara langsung atau selainnya, pada bungkusan suatu racun makhluk perosak; atau

(b) yang menyertai suatu racun makhluk perosak;

"Lembaga" ertinya Lembaga Racun Makhluk Perosak yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"makanan" termasuklah tiap-tiap bahan yang dijadikan makanan atau minuman oleh manusia atau yang termasuk dalam komposisi atau penyediaan bahan itu atau digunakan pada mengomposisikan atau menyediakan bahan itu, dan juga termasuklah benda dan rempah perasa, tetapi tidak termasuk sesuatu bahan atau campuran bahan yang digunakan oleh manusia sebagai suatu ubat;

"makanan yang tercemar" ertinya makanan yang dalamnya ada suatu racun makhluk perosak, atau suatu kuantiti, kadar, kekuatan, atau kepekatan suatu racun makhluk perosak, yang melanggar peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 21; dan suatu sebutan mengenai penggunaan atau adanya racun makhluk perosak dalam makanan termasuklah suatu sebutan mengenai penggunaannya atau adanya racun makhluk perosak itu pada makanan;

"makhluk perosak" termasuklah bakteria, virus, kulat, rumpai, serangga, roden, burung, atau apa-apa tumbuh-tumbuhan atau binatang lain yang memudaratkan atau menyerang binatang, tumbuh-tumbuhan, buah-buahan atau harta;

"mempek" ertinya memasukkan ke dalam sesuatu bungkusan;

"mengilang" berhubung dengan sesuatu racun makhluk perosak ertinya menyediakan, menyebatikan, merumuskan, mencampurkan, membuat, mempek, mempek semula, melabelkan, atau selainnya mengawetkan racun makhluk perosak itu dengan tujuan untuk menjualnya, tetapi tidak termasuk menjalankan sesuatu penyelidikan atau percubaan *bona fide* yang berhubungan dengan sesuatu racun makhluk perosak atau melakukan sesuatu perbuatan atau perkara yang menjadi sebahagian daripada atau bersampingan dengan penyelidikan atau percubaan itu;

"menjual" termasuklah menawarkan untuk jualan, mempamerkan untuk jualan, atau memiliki untuk jualan, apa-apa racun makhluk perosak, atau menawarkan untuk upah apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan penggunaan racun makhluk perosak;

"Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak" ertinya seseorang Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak yang dilantik di bawah seksyen 16;

"pegawai yang diberi kuasa" ertinya—

(a) Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak; atau

(b) pegawai awam yang ditetapkan sebagai pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*;

"perawis aktif" ertinya sesuatu perawis, sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, yang mempunyai sifat racun makhluk perosak dan yang memberikan sifat racun makhluk perosak kepada sesuatu bahan, benda, persediaan atau campuran, dan perawis

itu merupakan satu daripada juzuk dalam bahan, benda, persediaan atau campuran itu;

"piawaian cerakinan" ertinya bahan yang mengandungi suatu perawis aktif dan digunakan sebagai piawaian rujukan dalam pencerakinan sesuatu racun makhluk perosak;

"racun makhluk perosak" ertinya, tertakluk pada subseksyen (2)—

(a) apa-apa bahan yang mengandungi suatu perawis aktif; atau

(b) apa-apa persediaan, campuran atau benda yang mengandungi mana-mana satu perawis aktif itu atau lebih sebagai satu daripada juzuknya,

tetapi tidak termasuk makanan yang tercemar atau apa-apa barang yang disenaraikan dalam Jadual Kedua;

"Setiausaha" ertinya Setiausaha Lembaga.

(2) Bagi maksud Akta ini, sesuatu racun makhluk perosak hendaklah disifatkan sebagai suatu racun makhluk perosak yang berlainan daripada suatu racun makhluk perosak lain jika—

(a) nama kimia racun makhluk perosak itu adalah berlainan daripada nama kimia racun makhluk perosak yang satu lagi itu;

(b) nama dagangan atau cap dagangan racun makhluk perosak itu adalah berlainan daripada nama dagangan atau cap dagangan racun makluk perosak yang satu lagi itu;

(c) perawis racun makhluk perosak itu adalah berlainan daripada perawis racun makhluk perosak yang satu lagi itu, pada jenis, bilangan, kadar, kepekatan, atau dalam hal lain;

(d) racun makhluk perosak itu dirumuskan secara yang berlainan daripada cara dirumuskan racun makhluk perosak yang satu lagi itu;

(e) racun makhluk perosak itu dikilang oleh seorang pengilang selain pengilang racun makhluk perosak yang satu lagi itu; atau

(f) racun makhluk perosak itu adalah berlainan pada kualiti, jenis, sifat, atau kemujarabannya daripada racun makhluk perosak yang satu lagi itu.

(3) Bagi maksud Akta ini, sesuatu racun makhluk perosak hendaklah disifatkan sebagai salah jenama jika—

(a) labelnya itu mengandungi suatu pernyataan, reka bentuk atau grafik yang berhubungan dengan racun makhluk perosak itu yang adalah palsu atau mengelirukan pada apa-apa butir matan, atau jika bungkusannya adalah selainnya memperdayakan berkenaan dengan kandungan bungkusan itu;

(b) ia merupakan suatu tiruan, atau dijual bawah nama, suatu racun makhluk perosak lain;

(c) labelnya tidak mengandungi apa-apa amaran atau ingatan yang perlu dan, jika dipatuhi, memadai bagi mengelakkan risiko kepada manusia atau binatang;

(d) apa-apa perkataan, pernyataan, maklumat atau perkara lain yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan supaya ditunjukkan atas labelnya tidak sedikit pun ditunjukkan atasnya atau tidak ditunjukkan mengikut cara yang ditetapkan;

(e) ia tidak dipekkan atau dilabelkan mengikut cara yang ditetapkan;

(f) ia mempunyai suatu keracunan yang berlainan daripada keracunan yang dikatakan ia mempunyainya;

(g) ia dicampurkan atau dipekkan dengan sesuatu bahan

supaya jenis atau kualiti asalnya akan berubah kemudiannya; atau

(h) ia mengandungi suatu bahan selain bahan atau bahan-bahan yang dikatakan ia mengandunginya.

BAHAGIAN II

LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK

Penubuhan Lembaga

3. Bagi maksud Akta ini, dengan ini ditubuhkan suatu Lembaga bernama Lembaga Racun Makhluk Perosak dan terdiri daripada ahli yang berikut:

(a) Ketua Pengarah Pertanian, yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) seorang pegawai kanan Jabatan Pertanian, Semenanjung Malaysia, yang hendaklah dilantik oleh Menteri, dan dia hendaklah menjadi Setiausaha;

(c) Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam);

(d) Ketua Pengarah Kimia;

(e) Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia;

(f) Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia;

(g) Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia;

(h) Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan;

(i) Pengarah Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan;

(j) Ketua Pengarah Perhutanan, Semenanjung Malaysia;

(k) Pengarah Pertanian, Sabah;

(l) Pengarah Pertanian, Sarawak;

(m) Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling; dan

(n) Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Ahli silih ganti

4. (1) Menteri boleh, berhubung dengan setiap ahli Lembaga, melantik, apabila dinamakan ahli itu, tidak lebih daripada satu orang menjadi ahli silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti ahli itu, mesyuarat Lembaga yang ahli itu sebab tidak dapat hadir kerana apa-apa sebab.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai seorang ahli Lembaga.

Peruntukan kemudahan oleh Kementerian

5. Kementerian yang bertanggungjawab bagi Lembaga hendaklah menyediakan kakitangan, wang dan kemudahan lain yang perlu kepada Lembaga bagi membolehkannya menjalankan fungsinya.

Perjalanan mesyuarat Lembaga

6. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga yang dihadiri olehnya.

(2) Jika Pengerusi tidak hadir pada sesuatu mesyuarat Lembaga, ahli yang hadir hendaklah memilih seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Pengerusi atau ahli lain yang mempengerusikan sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah mempunyai suatu undi biasa dan, jika mengenai sesuatu persoalan undi-undi itu terbahagi sama banyak, suatu undi pemutus.

(4) Lembaga hendaklah mengadakan mesyuarat di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Pengerusi; dan pada sesuatu mesyuarat Lembaga tujuh orang ahli termasuk Pengerusi atau ahli lain yang mempengerusikan mesyuarat itu, hendaklah menjadi suatu kuorum.

(5) Lembaga boleh menjemput mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya tetapi orang itu tidak mempunyai hak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(6) Tertakluk pada seksyen ini, Lembaga boleh mengatur tatacaranya sendiri.

BAHAGIAN III

KAWALAN PENGIMPORTAN DAN PENGILANGAN RACUN MAKHLUK PEROSAK MELALUI PENDAFTARAN DAN PERMIT

Permohonan bagi pendaftaran racun makhluk perosak

7. (1) Seseorang yang berhasrat untuk mengimport atau mengilang sesuatu racun makhluk perosak hendaklah membuat permohonan kepada Lembaga, mengikut cara yang ditetapkan bagi pendaftaran racun makhluk perosak itu.

(2) Tertakluk pada subseksyen (4), seseorang pemohon mestilah, bersama dengan permohonannya menghantar kepada Lembaga—

(a) suatu pernyataan mengenai nama biasa racun makhluk perosak itu, jika boleh didapati, nama dagangannya, nama kimianya, dan formula strukturnya, dan nama dan kepekatan tiap-tiap perawis aktif racun makhluk perosak itu;

(b) nama dan kepekatan tiap-tiap perawis lain racun makhluk perosak itu;

(c) maklumat lengkap mengenai keracunan tiap-tiap perawis racun makhluk perosak itu dan keracunan racun makhluk perosak itu keseluruhannya;

(d) semua perkara yang dicadangkan untuk dimasukkan pada label racun makhluk perosak itu, termasuklah arahan, dan langkah-langkah bagi mengelakkan kemalangan yang hendaklah diambil berkaitan dengan, penggunaannya, apa-apa yang dikatakan dipunyai olehnya dan kelas racun makhluk perosak yang dicadangkan;

(e) suatu pernyataan mengenai, atau suatu contoh, bungkusan yang dicadangkan bagi racun makhluk perosak itu;

(f) laporan mengenai kemujaraban dan keselamatan racun makluk perosak itu;

(g) suatu pernyataan mengenai cara-cara mencerakinkan racun makhluk perosak itu dan mengenai kewibawaan atau punca maklumat yang dijadikan asas bagi pernyataan itu;

(h) suatu pernyataan mengenai cara menentukan baki racun makhluk perosak itu pada tumbuh-tumbuhan atau tanam-tanaman yang padanya racun makhluk perosak itu dicadangkan hendak digunakan;

(i) alamat tempat perniagaan pemohon itu dan alamat tempat pemohon itu bercadang hendak menyimpan racun makhluk perosak itu;

(j) jika dia seorang pengilang, nama dan alamat kilang, bangunan, atau premis yang pemohon itu bercadang hendak mengilang racun makhluk perosak itu dan suatu

rencana ringkas mengenai proses mengilang racun makhluk perosak itu; dan

(k) suatu amaun yang ditetapkan bagi contoh racun makhluk perosak yang hendak didaftarkan oleh pemohon.

(3) Lembaga boleh menghendaki pemohon—

(a) supaya memberi kepadanya apa-apa maklumat yang berhubungan dengan racun makhluk perosak itu selain perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (2); dan

(b) supaya meminda atau mengubah suai perkara yang dinyatakan dalam perenggan (2)*(d)* dan *(e)* agar mematuhi kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang berhubungan dengannya atau, jika tidak ada apa-apa kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan itu pada masa ini, supaya mematuhi dasar Lembaga yang berhubungan dengannya.

(4) Lembaga boleh, bagi mana-mana kes tertentu, mengetepikan mana-mana kehendak subseksyen (2) atau menerima dan bertindak atas sesuatu permohonan yang tidak mempunyai mana-mana daripada kehendak itu, jika ia menganggap bahawa ia boleh bertindak dengan sepatutnya di bawah seksyen 8 walaupun kehendak itu tidak ada.

(5) Tiap-tiap permohonan yang dibuat kepada Lembaga di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan bayaran permohonan yang ditetapkan.

Pendaftaran dan penolakan untuk mendaftar

8. (1) Apabila menerima sesuatu permohonan yang dibuat dengan sewajarnya di bawah dan mengikut seksyen 7 dan kaedah-kaedah-kaedah-kaedah, dan setelah dipatuhi oleh pemohon apa-apa kehendak Lembaga yang dibuat di bawah subseksyen 7(3), Lembaga boleh, selepas menjalankan apa-apa siasatan atau penyiasatan yang difikirkannya patut dan perlu dijalankan dan apabila dibayar bayaran

pendaftaran yang ditetapkan, mendaftarkan racun makhluk perosak yang kepadanya permohonan itu berkaitan tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Lembaga patut dikenakan, menyatakan kelas racun makhluk perosak itu, memberikan suatu nombor pendaftaran kepada racun makhluk perosak itu, dan mengeluarkan kepada pemohon itu suatu perakuan pendaftaran racun makhluk perosak itu, jika Lembaga berpuas hati bahawa—

(a) semua perkara yang terkandung dalam permohonan itu dan yang disertakan bersamanya adalah benar pada semua butir material;

(b) perkara yang dicadangkan untuk dimasukkan pada label racun makhluk perosak itu, dan bungkusan yang dicadangkan bagi racun makhluk perosak itu, adalah mematuhi kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang berhubungan dengan pelabelan dan pembungkusan atau, jika tidak ada kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan itu pada masa ini, mematuhi dasar Lembaga yang berhubungan dengannya; dan

(c) racun makhluk perosak itu, jika digunakan atau dikendalikan mengikut arahan yang dimasukkan pada labelnya yang dicadangkan, adalah mujarab dan adalah—

(i) selamat kepada manusia dan binatang; atau

(ii) menjadi suatu risiko kepada manusia dan binatang pada suatu takat atau darjah minimum yang amat sedikit jika dibandingkan dengan betapa perlu atau berfaedahnya racun makhluk perosak itu digunakan.

(2) Jika Lembaga tidak berpuas hati dengan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1), ia tidak boleh mendaftarkan racun makhluk perosak itu.

(3) Jika sesuatu penentuan standard berkenaan dengan racun

makhluk perosak telah diisytiharkan di bawah seksyen 28 [*]Akta Institut Piawaian Dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975 [*Akta 157*]—

(a) dalam merumuskan dasarnya yang berhubungan dengan label dan bungkusan racun makhluk perosak itu bagi maksud perenggan (1)*(b)*, Lembaga hendaklah, sebagai tambahan kepada perkara lain, mengambil kira kehendak-kehendak berkaitan penentuan standard dan keperluan atau selainnya menerima pakai mana-mana atau semua kehendak itu; dan

(b) dalam mentaksir dan menentukan kemujaraban dan keselamatan racun makhluk perosak bagi maksud perenggan (1)*(c)*, Lembaga hendaklah sebagai tambahan kepada faktor penentu lain, mengambil kira kehendak-kehendak berkaitan penentuan standard, dan boleh menolak untuk mendaftarkan racun makhluk perosak itu jika ia tidak memenuhi mana-mana kehendak itu.

(3A) Bagi maksud subseksyen (1), Lembaga hendaklah mengeluarkan garis panduan mengenai pengelasan racun makhluk perosak.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), (2) dan (3), jika suatu permohonan dibuat bagi pendaftaran suatu racun makhluk perosak yang pada masa ini didaftarkan atas permohonan yang dibuat terdahulu oleh seseorang lain, Lembaga hendaklah, apabila dibayar bayaran yang ditetapkan, mendaftarkan racun makhluk perosak itu atas syarat yang sama dengan syarat yang dikenakan ke atas pendaftaran yang sedia ada itu, memberikan suatu nombor pendaftaran kepada racun makhluk perosak itu, dan mengeluarkan kepada pemohon yang kemudian itu suatu perakuan pendaftaran racun makhluk perosak itu.

---

[*]*CATATAN*—Akta Institut Piawaian Dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975 [*Akta 157*] telah dimansuhkan oleh Akta Standard Malaysia 1996 [*Akta 549*]—*lihat* subseksyen 23(1) Akta 549.

Tempoh pendaftaran

9. (1) Tempoh pendaftaran sesuatu racun makhluk perosak itu ialah lima tahun tetapi racun makhluk perosak itu boleh, apabila dibuat permohonan oleh orang yang atas permohonannya racun makhluk perosak itu telah didaftarkan dan apabila dibayar bayaran pendaftaran yang ditetapkan, didaftarkan semula pada akhir tiap-tiap tempoh lima tahun.

(2) Sesuatu permohonan bagi pendaftaran semula suatu racun makhluk perosak hendaklah dibuat dan diuruskan mengikut cara yang sama dengan suatu permohonan pendaftaran di bawah seksyen 7.

Kuasa untuk membatalkan pendaftaran

10. (1) Tertakluk pada subseksyen (2) dan tanpa menyentuh mana-mana pendakwaan yang boleh dibawa di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, Lembaga boleh memerintahkan supaya dibatalkan pendaftaran suatu racun makhluk perosak—

(a) apabila diterima suatu pemberitahuan secara bertulis daripada orang yang atas permohonannya racun makhluk perosak itu didaftarkan, dan setelah berpuas hati, bahawa racun makhluk perosak itu telah ditarik balik daripada jualan atau penggunaan;

(b) jika Lembaga menganggapnya tidak wajar bahawa racun makhluk perosak itu terus didaftarkan kerana keracunannya, ketidakmujarabannya atau kemudaratannya terhadap manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan, buah-buahan atau harta;

(c) jika racun makhluk perosak itu tidak menepati apa-apa yang dikatakan ia mempunyainya pada labelnya;

(d) jika labelnya tidak mematuhi kehendak Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan;

(e) jika mana-mana syarat yang tertakluk pada mana racun makhluk perosak itu didaftarkan telah tidak dipatuhi;

(f) jika Lembaga mendapati bahawa sesuatu daripada perkara yang disampaikan kepadanya di bawah subseksyen 7(2) adalah tidak benar pada mana-mana butir material; atau

(g) jika Lembaga berpuas hati bahawa racun makhluk perosak itu telah tidak digunakan lagi.

(2) Sebelum memerintahkan pembatalan pendaftaran sesuatu racun makhluk perosak atas mana-mana alasan dalam subseksyen (1), selain alasan dalam perenggan (1)*(a)* itu, Lembaga hendaklah, dengan notis secara bertulis, memberi orang yang atas permohonannya racun makhluk perosak itu didaftarkan suatu peluang untuk menunjukkan sebab mengapa perintah itu tidak patut dibuat, dan sementara menunggu perintah sedemikian dibuat semua penjualan, pengimportan atau pengilangan racun makhluk perosak itu oleh orang itu hendaklah digantung dari tarikh penerimaan notis itu olehnya.

Orang yang mendaftar hendaklah memberitahu Lembaga mengenai kesan buruk racun makhluk perosak

10A. (1) Tanpa menjejaskan kuasa yang diberikan kepada Lembaga di bawah seksyen 10, orang yang atas pemohonannya racun makhluk perosak telah didaftarkan hendaklah memberitahu Lembaga apabila dia menemui apa-apa kemudaratan yang dibawa oleh racun makhluk perosak itu terhadap manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan, buah-buahan atau harta, dalam masa enam puluh hari daripada penemuan sedemikian.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Rayuan terhadap keputusan Lembaga

11. (1) Jika seseorang pemohon bagi pendaftaran atau pendaftaran semula sesuatu racun makhluk perosak tidak berpuas hati dengan penolakan Lembaga untuk mendaftarkan atau mendaftarkan semula racun makhluk perosak itu atau jika orang yang atas permohonannya suatu racun makhluk perosak itu didaftarkan tidak berpuas hati dengan perintah Lembaga membatalkan pendaftaran racun makhluk perosak itu, pemohon atau orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh merayu kepada Menteri, dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(2) Dalam hal suatu rayuan terhadap penolakan Lembaga untuk mendaftarkan atau mendaftarkan semula sesuatu racun makhluk perosak, perayu boleh menyampaikan kepada Menteri apa-apa maklumat berhubungan dengan racun makhluk perosak itu sebagai tambahan kepada maklumat yang terdahulu yang telah disampaikan kepada Lembaga dengan syarat bahawa maklumat terdahulu itu hendaklah pada masa yang sama disampaikan kepada Lembaga.

Menyiarkan racun makhluk perosak dalam *Warta*

12. Dengan seberapa segera yang mungkin selepas racun makhluk perosak telah didaftarkan, didaftarkan semula atau dipotong dari daftar melalui pengkenselan, Lembaga hendaklah menyebabkan fakta itu disiarkan dalam *Warta* bersama dengan butir yang berhubungan dengan racun makhluk perosak itu yang mencukupi untuk mengenal pastinya.

Larangan mengenai pengimportan dan pengilangan, dan penalti

13. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 14 dan 14A, tiada seorang pun boleh mengimport atau mengilang—

(a) sesuatu racun makhluk perosak yang salah jenama;

(b) sesuatu racun makhluk perosak yang pada masa ini tidak didaftarkan atas permohonannya di bawah Akta ini; atau

(c) sesuatu racun makhluk perosak selain mengikut syarat-syarat yang tertakluk padanya ia didaftarkan atas permohonannya.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan kali pertama, dipenjarakan selama lima tahun atau didenda lima puluh ribu ringgit dan, apabila disabitkan kali kedua atau kemudiannya, dipenjarakan selama sepuluh tahun atau didenda satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), adalah menjadi suatu pembelaan kepada suatu pertuduhan di bawah perenggan (1)*(a)* mengimport atau mengilang suatu racun makhluk perosak yang salah jenama sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2(3)*(g)* atau *(h)* bahawa, dalam proses pengilangan atau pengangkutan racun makhluk perosak itu, apa-apa bahan bukan bahan racun makhluk perosak itu telah tidak dapat dielakkan menjadi bercampur gaul dengannya.

Pengimportan racun makhluk perosak bagi maksud pelajaran atau penyelidikan atau sebagai contoh pendaftaran atau piawaian cerakinan

14. (1) Seseorang yang berhasrat untuk mengimport suatu racun makhluk perosak bagi maksud pelajaran atau penyelidikan atau sebagai contoh pendaftaran atau piawaian cerakinan hendaklah membuat permohonan kepada Lembaga mengikut cara yang ditetapkan, dan disertakan dengan bayaran permohonan yang ditetapkan, bagi mendapatkan suatu permit untuk mengimport racun makhluk perosak itu.

(2) Apabila menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), Lembaga boleh, jika ia berpuas hati bahawa racun makhluk perosak yang dihasratkan untuk diimport itu dicadangkan semata-mata bagi

maksud pelajaran atau penyelidikan atau sebagai suatu contoh pendaftaran atau piawaian cerakinan, mengeluarkan kepada pemohon itu suatu permit mengikut bentuk yang ditetapkan tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Lembaga patut dikenakan, termasuk syarat mengenai pelupusan mana-mana lebihan racun makhluk perosak yang tidak digunakan itu.

(3) Jika seseorang pemohon bagi suatu permit di bawah seksyen ini tidak berpuas hati dengan penolakan Lembaga untuk mengeluarkan kepadanya permit itu, dia boleh merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(4) Sesuatu permit yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah membenarkan pengimportan satu konsainan sahaja satu racun makhluk perosak atau lebih dalam sesuatu tempoh yang dinyatakan.

(5) Orang yang kepadanya suatu permit dikeluarkan di bawah seksyen ini boleh, tertakluk pada syarat permit itu, mengimport racun makhluk perosak atau racun-racun makhluk perosak yang dinamakan dalam permit itu walaupun racun makhluk perosak atau racun-racun makhluk perosak itu tidak pada masa ini didaftarkan di bawah Akta ini atas permohonannya dan walau apa pun larangan dalam seksyen 13 terhadap pengimportan racun makhluk perosak yang salah jenama atau tidak didaftarkan.

(6) Seseorang yang mengimport suatu racun makhluk perosak di bawah suatu permit yang dikeluarkan kepadanya di bawah seksyen ini tetapi berlawanan dengan atau melanggar mana-mana syarat permit itu melakukan suatu kesalahan.

(7) Seseorang yang mengimport suatu racun makluk perosak di bawah suatu permit yang dikeluarkan kepadanya di bawah seksyen ini dan yang menggunakan atau melupuskan racun makhluk perosak itu selain bagi maksud pelajaran atau penyelidikan atau sebagai suatu contoh pendaftaran atau piawaian cerakinan, melakukan suatu kesalahan dan boleh dipenjarakan selama tiga tahun atau didenda lima puluh ribu ringgit.

(8) Lembaga boleh mewakilkan fungsinya di bawah seksyen ini kepada mana-mana ahli Lembaga itu.

Penyelidikan atau percubaan atas racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan yang disintesis di Malaysia

14A. (1) Seseorang yang berhasrat untuk menjalankan apa-apa penyelidikan atau percubaan di luar makmal atas suatu racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan yang disintesis di Malaysia hendaklah memohon kepada Lembaga mengikut cara yang ditetapkan, dan disertakan dengan bayaran pendaftaran yang ditetapkan, bagi mendapatkan suatu permit untuk menjalankan penyelidikan atau percubaan itu.

(2) Apabila menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), Lembaga boleh, jika ia berpuas hati bahawa racun makhluk perosak yang dihasratkan untuk diselidik atau dibuat percubaan itu dicadangkan semata-mata bagi maksud penyelidikan atau percubaan, mengeluarkan kepada pemohon itu suatu permit mengikut bentuk yang ditetapkan tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Lembaga patut dikenakan, termasuk syarat mengenai pelupusan mana-mana lebihan racun makhluk perosak yang tidak digunakan.

(3) Jika seseorang pemohon bagi suatu permit di bawah seksyen ini tidak berpuas hati dengan penolakan Lembaga untuk mengeluarkan kepadanya permit itu, dia boleh merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(4) Orang yang kepadanya suatu permit dikeluarkan di bawah seksyen ini boleh, tertakluk pada syarat permit itu, menyelidik atau membuat percubaan atas racun makhluk perosak yang dinamakan dalam permit itu, walaupun racun makhluk perosak itu tidak pada masa ini didaftarkan di bawah Akta ini dan walaupun ada larangan dalam seksyen 53A terhadap pemilikan atau penggunaan racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan.

(5) Seseorang yang menyelidik atau membuat percubaan atas suatu racun makhluk perosak di bawah permit yang dikeluarkan kepadanya di bawah seksyen ini, tetapi berlawanan dengan atau melanggar mana-mana syarat permit itu, melakukan suatu kesalahan.

(6) Seseorang yang menyelidik atau membuat percubaan atas suatu racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan tanpa suatu permit yang dikeluarkan kepadanya di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh dipenjarakan selama enam tahun atau didenda lima puluh ribu ringgit.

(7) Lembaga boleh mewakilkan fungsinya di bawah seksyen ini kepada mana-mana ahli Lembaga itu.

BAHAGIAN IV

KAWALAN PENGILANGAN, PENJUALAN DAN PENYIMPANAN RACUN MAKHLUK PEROSAK MELALUI PELESENAN

Lesen untuk mengilang racun makhluk perosak

15. (1) Seseorang yang berhasrat untuk mengilang sesuatu racun makhluk perosak hendaklah memohon kepada Lembaga mengikut cara yang ditetapkan, dan disertakan dengan bayaran permohonan yang ditetapkan, bagi mendapatkan suatu lesen untuk mengilang racun makhluk perosak itu.

(2) Apabila menerima sesuatu permohonan yang dibuat dengan sewajarnya di bawah subseksyen (1) dan mengikut kaedah-kaedah, Lembaga boleh, mengeluarkan kepada pemohon itu suatu lesen mengikut bentuk yang ditetapkan tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Lembaga patut dikenakan, jika Lembaga berpuas hati bahawa—

(a) racun makhluk perosak yang kepadanya permohonan itu adalah berkenaan adalah pada masa ini didaftarkan di bawah Akta ini atas permohonan pemohon;

(b) pemohon itu adalah layak dari segi teknikal mengilang racun makhluk perosak itu; dan

(c) pemohon itu sedar tentang keracunan racun makhluk perosak itu dan tentang risiko yang terlibat dalam penggunaan dan pengendalian racun makhluk perosak itu, dan bersedia dengan cara-cara yang efektif bagi mengurangkan atau mengelakkan keracunan dan risiko itu.

(3) Sesuatu lesen di bawah seksyen ini adalah sah selama tiga tahun dari tarikh ia dikeluarkannya tetapi boleh diperbaharui pada hujung tiap-tiap tempoh tiga tahun apabila dibayar bayaran permohonan yang ditetapkan.

Pelantikan Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak

16. Bagi maksud Akta ini, Menteri boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* melantik apa-apa bilangan pegawai mana-mana Jabatan Pertanian sebagaimana yang difikirkannya perlu, menjadi Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak bagi kawasan yang dinyatakan.

Lesen untuk menjual atau menyimpan racun makhluk perosak

17. (1) Seseorang yang berhasrat untuk menjual atau menyimpan untuk jualan sesuatu racun makhluk perosak hendaklah, mengikut cara yang ditetapkan, dan disertakan dengan bayaran permohonan yang ditetapkan, memohon bagi mendapatkan suatu lesen bagi maksud itu kepada Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak bagi kawasan yang dalamnya dia bermastautin atau, dalam hal suatu pertubuhan perbadanan atau firma, yang dalamnya pertubuhan perbadanan atau firma itu mempunyai tempat atau tempat utama perniagaannya.

(2) Apabila menerima sesuatu permohonan yang dibuat dengan sewajarnya di bawah subseksyen (1) dan mengikut kaedah-kaedah, Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak boleh mengeluarkan kepada pemohon itu suatu lesen mengikut bentuk yang ditetapkan

tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak itu patut dikenakan, jika dia berpuas hati bahawa—

(a) racun makhluk perosak yang kepadanya permohonan itu adalah berkaitan adalah pada masa ini didaftarkan di bawah Akta ini; dan

(b) pemohon itu sedar tentang keracunan racun makhluk perosak itu dan akan risiko yang terlibat dalam penggunaan dan pengendalian racun makhluk perosak itu.

(3) Sesuatu lesen di bawah seksyen ini —

(a) tidak boleh membenarkan penjualan atau penyimpanan untuk jualan sesuatu racun makhluk perosak di premis yang lebih daripada satu bilangannya;

(b) hendaklah menyatakan premis tempat penjualan atau penyimpanan untuk jualan racun makhluk perosak itu dibenarkan;

(c) boleh membenarkan kedua-dua penjualan dan penyimpanan untuk jualan satu racun makhluk perosak atau lebih, yang mungkin daripada kelas racun makhluk perosak yang sama atau kelas racun makhluk perosak yang berlainan, di premis yang dinyatakan; dan

(d) adalah sah bagi tiga tahun dari tarikh ia dikeluarkan tetapi boleh diperbaharui apabila dibayar bayaran permohonan yang ditetapkan.

Membatal dan menggantung lesen

18. (1) Jika Lembaga, dalam hal suatu lesen untuk mengilang, atau Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak, yang berkenaan dalam hal suatu lesen untuk menjual atau menyimpan untuk jualan, berpuas hati bahawa—

(a) permohonan yang berdasarkannya lesen itu telah diberikan di bawah seksyen 15 atau 17, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengandungi suatu salah nyata mengenai suatu fakta material; atau

(b) pemegang lesen itu telah tidak mematuhi mana-mana syarat yang tertakluk padanya mana lesen itu dikeluarkan atau telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan,

Lembaga atau Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, tanpa menjejaskan mana-mana pendakwaan yang boleh dibawa di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, tetapi tertakluk pada subseksyen (2), membatalkan lesen itu, menggantungnya bagi tempoh yang difikirkan patut oleh Lembaga atau Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau enggan memperbaharui lesen itu.

(2) Sebelum bertindak di bawah subseksyen (1), Lembaga atau Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberi pemegang lesen yang berkenaan suatu peluang untuk menunjukkan sebab mengapa tindakan itu tidak patut diambil.

Rayuan terhadap keputusan Lembaga atau Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak

19. Jika seseorang pemohon bagi mendapatkan suatu lesen atau seseorang pemegang suatu lesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak berpuas hati dengan penolakan Lembaga atau Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak itu untuk memberi atau memperbaharui suatu lesen di bawah seksyen 15 atau 17, atau dengan keputusan Lembaga atau Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak itu untuk membatalkan, menggantung, atau menolak pembaharuan lesennya di bawah seksyen 18, dia boleh merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

Kesalahan yang berhubungan dengan pengilangan, penjualan, dan penyimpanan untuk jualan

20. (1) Tiada seorang pun boleh mengilang, menjual atau menyimpan untuk jualan sesuatu racun makhluk perosak melainkan jika dia diberi lesen untuk berbuat demikian di bawah Akta ini atau selainnya mengikut syarat sesuatu lesen untuk berbuat demikian yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ini.

(2) Tiada seorang pun boleh menjual atau menyimpan untuk jualan sesuatu racun makhluk perosak selain di suatu premis yang dinyatakan dalam suatu lesen yang dikeluarkan kepadanya di bawah seksyen 17.

(3) Tiada seorang pun, sama ada dia seorang yang diberi lesen atau tidak di bawah Akta ini, boleh menjual atau menyimpan untuk jualan sesuatu racun makhluk perosak yang salah jenama atau yang pada masa ini tidak didaftarkan di bawah Akta ini.

(4) Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan kali pertama, dipenjarakan selama tiga tahun atau didenda sepuluh ribu ringgit dan, apabila disabitkan kali kedua atau kemudiannya, dipenjarakan selama enam tahun atau didenda dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

KAWALAN KEHADIRAN RACUN MAKHLUK PEROSAK DALAM MAKANAN

Peraturan-peraturan untuk mengawal kehadiran racun makhluk perosak dalam makanan

21. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga dan Menteri yang bertanggungjawab atas perkhidmatan kesihatan, membuat peraturan-peraturan melarang—

(a) penambahan kepada atau penggunaan atau kehadiran dalam makanan atau apa-apa jenis tertentu makanan itu; atau

(b) pengawetan makanan atau apa-apa jenis tertentu makanan itu,

dengan apa-apa racun makhluk perosak yang dinyatakan atau lebih daripada kuantiti, kadar, kekuatan atau kepekatan yang dinyatakan bagi racun makhluk perosak itu.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh membuat peruntukan bahawa, melainkan jika sebaliknya dibuktikan, sesuatu pelanggaran yang dinyatakan bagi mana-mana larangan dalamnya hendaklah dianggap telah dilakukan oleh seseorang atau orang yang dinyatakan berkenaan dengan mana-mana makanan yang dinyatakan jika terdapat dalam makanan itu suatu racun makhluk perosak yang dinyatakan atau suatu kuantiti, kadar, kekuatan atau kepekatan yang dinyatakan bagi racun makhluk perosak itu.

Kemasukan, pemeriksaan dan penyitaan

22. Seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh—

(a) pada bila-bila masa yang munasabah masuk ke dalam dan memeriksa mana-mana tempat jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat makanan yang dicadangkan untuk jualan;

(b) memeriksa mana-mana makanan, di mana-mana jua ditemui, yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah dicadangkan untuk jualan;

(c) menyita, menahan atau memindahkan sebarang makanan yang ialah atau ternyata atau dipercayai makanan tercemar, dan boleh menandakan, mengelak atau selainnya mendapatkan makanan itu untuk

menguatkuasakan penyitaan, penahanan atau pemindahan makanan itu.

Kuasa untuk meminta, memilih dan mengambil contoh

23. (1) Apabila dibayar atau diberi kepada seseorang yang menjual apa-apa makanan, atau kepada ejen atau penjawatnya, harga pasaran semasa masa itu makanan itu, jika diminta, seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh di mana-mana tempat meminta, memilih dan mengambil atau memperoleh contoh makanan itu bagi maksud cerakinan untuk menentukan sama ada makanan itu adalah makanan tercemar.

(2) Jika mana-mana makanan disimpan untuk dijual runcit dalam suatu bungkusan tidak terbuka, pegawai yang diberi kuasa tidak boleh meminta atau mengambil kurang daripada kesemua kandungan bungkusan itu.

(3) Seseorang yang enggan atau abai untuk mematuhi suatu permintaan yang dibuat oleh seorang pegawai yang diberi kuasa menurut seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Hak untuk mendapatkan makanan dicerakinkan

24. (1) Seseorang yang telah membeli apa-apa makanan adalah, apabila membayar bayaran yang ditetapkan, berhak mendapatkan suatu contoh makanan itu dicerakinkan oleh seorang Ahli Cerakinan untuk menentukan sama ada makanan itu ialah makanan tercemar, dan untuk menerima daripada Ahli Cerakinan itu suatu perakuan cerakinan.

(2) Seseorang, selain penjual makanan itu, boleh, apabila membayar bayaran ditetapkan dan kos contoh itu, menghendaki seorang pegawai yang diberi kuasa untuk membeli suatu contoh mana-mana makanan dan mengemukakannya bagi dicerakinkan oleh seorang Ahli Cerakinan untuk menentukan sama ada makanan itu ialah

makanan tercemar.

Kesalahan menjual makanan tercemar

25. Seseorang yang menjual sesuatu makanan tercemar melakukan suatu kesalahan.

Kejahilan tentang kecemaran bukan suatu pembelaan

26. Dalam sesuatu pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 25 adalah tidak menjadi suatu pembelaan bahawa tertuduh tidak mengetahui bahawa makanan yang berkenaan ialah makanan tercemar melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah bagi memastikan bahawa makanan itu bukan makanan tercemar.

Pergantungan kepada waranti atau pernyataan bertulis adalah pembelaan

27. (1) Tertakluk pada subseksyen (2) dan (3), adalah menjadi suatu pembelaan dalam suatu pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 25 bahawa—

(a) tertuduh membeli makan yang dijual olehnya atas pergantungan kepada suatu waranti bertulis atau pernyataan bertulis lain mengenai jenis makanan itu, yang diberikan atau dibuat oleh atau bagi pihak orang yang daripadanya dia membeli makanan itu; dan

(b) tertuduh tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa makanan yang dijual itu tidak menepati waranti atau pernyataan itu; dan

(c) jika makanan itu telah menepati waranti atau pernyataan itu, ia bukanlah makanan tercemar.

(2) Tiada waranti atau pernyataan yang diberi atau dibuat oleh seseorang yang bermastautin di luar Malaysia boleh menjadi suatu pembelaan di bawah subseksyen (1) melainkan jika tertuduh membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah yang munasabah bagi memastikan, dan telah sesungguhnya mempercayai, kebenaran perkara yang dinyatakan dalam waranti atau pernyataan itu.

(3) Tiada waranti atau pernyataan boleh menjadi suatu pembelaan di bawah subseksyen (1) melainkan jika tertuduh telah, dalam masa sepuluh hari selepas saman disampaikan kepadanya—

(a) menyerahkan kepada pendakwa suatu salinan waranti atau pernyataan itu dan suatu notis bertulis menyatakan bahawa dia bercadang untuk bergantung kepadanya dan yang menyatakan nama dan alamat orang yang memberi atau membuat waranti atau pernyataan; dan

(b) menghantar dengan pos berdaftar kepada orang itu suatu notis yang serupa tentang cadangannya.

(4) Jika tertuduh itu ialah seorang penjawat atau ejen orang yang membeli makanan itu atas pergantungan kepada waranti atau pernyataan itu, dia berhak mendapat faedah subseksyen (1) mengikut cara yang sama dan setakat yang sama yang majikan atau prinsipalnya berhak jika majkan atau prinsipal itu ialah tertuduh, jika tertuduh membuktikan selanjutnya bahawa dia tidak mempunyai sebab mempercayai bahawa makanan itu tidak menepati waranti atau pernyataan itu.

(5) Seseorang yang, berkenaan dengan mana-mana makanan yang dijual olehnya sebagai prinsipal atau ejen, memberi atau membuat kepada pembeli itu suatu waranti bertulis atau pernyataan bertulis lain yang palsu mengenai jenis makanan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan kali pertama, didenda sepuluh ribu ringgit dan, apabila disabitkan kali kedua atau kemudiannya, didenda dua puluh ribu ringgit, melainkan jika dia membuktikan bahawa pada masa dia memberi atau membuat waranti atau pernyataan itu dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa perkara yang terkandung dalam waranti atau pernyataan itu adalah benar.

BAHAGIAN VI

KEMATIAN DAN KECEDERAAN YANG DISEBABKAN OLEH RACUN MAKHLUK PEROSAK

Melaporkan kemalangan, kematian dan bencana diri

28. (1) Apabila sesuatu kemalangan yang menyebabkan kehilangan jiwa manusia atau kecederaan diri berlaku sebagai akibat pengasapan, menyembur atau apa-apa cara lain merawati tumbuh-tumbuhan, premis atau barang, termasuklah kapal dan kenderaan, dengan suatu racun makhluk perosak, orang yang olehnya, atau oleh penjawat atau ejennya, pewasapan, penyemburan atau rawatan itu dijalankan hendaklah dengan serta-merta menghantar atau menyebabkan supaya dihantar kepada Menteri notis kemalangan itu dan kehilangan jiwa manusia atau kecederaan diri itu.

(2) Apabila sesuatu kemalangan yang menyebabkan kehilangan jiwa manusia atau kecederaan diri dialami oleh seorang pekerja sebagai akibat pengendalian, penggunaan, atau kehadiran atau penyentuhan dengan atau pendedahan kepada sesuatu racun makhluk perosak dalam perjalanan pekerjaannya, majikannya hendaklah dengan serta-merta menghantar atau menyebabkan supaya dihantar kepada Menteri notis kemalangan itu dan kehilangan jiwa manusia atau kecederaan diri itu.

(3) Apabila seseorang pengamal perubatan yang berdaftar mendapati atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang itu telah mati atau menanggung kecederaan diri sebagai akibat daripada pengendalian, penggunaan, atau kehadiran atau penyentuhan dengan atau pendedahan kepada sesuatu racun makhluk perosak, pengamal perubatan yang berdaftar itu hendaklah dengan serta-merta menghantar atau menyebabkan supaya dihantar kepada Menteri notis kematian atau kecederaan diri itu.

(4) Seksyen ini tidak terpakai bagi kemalangan yang menyebabkan kehilangan jiwa manusia atau kecederaan diri yang mengenainya notis dikehendaki oleh Akta Hidrogen Sianid (Pengasapan) 1953 [*Akta 260*] diberi kepada Menteri yang berkenaan di bawah Akta itu.

(5) Seseorang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda satu ribu ringgit.

Siasatan dan penyiasatan kemalangan, kematian dan kecederaan diri

29. (1) Menteri boleh mengarahkan suatu siasatan dibuat oleh mana-mana orang atau orang yang dilantiknya mencari sebab sesuatu kemalangan, kematian atau kecederaan diri yang baginya notis adalah dikehendaki oleh seksyen 28 supaya diberikan kepadanya dan, jika ternyata padanya, sama ada sebelum atau selepas permulaan siasatan itu, bahawa suatu penyiasatan lebih rasmi mengenai kemalangan, kematian atau kecederaan diri itu dan mengenai sebab dan hal keadaan berlakunya adalah suai manfaat, dia boleh mengarahkan supaya suatu penyiasatan rasmi diadakan.

(2) Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai bagi siasatan dan penyiasatan yang dibuat atau diadakan di bawah seksyen ini:

(a) Menteri boleh melantik mana-mana orang atau orang yang mempunyai pengetahuan undang-undang atau pengetahuan khas untuk membantu mengadakan suatu penyiasatan rasmi atau mengarahkan seorang Majistret atau mana-mana orang atau orang-orang lain untuk mengadakan penyiasatan sedemikian dengan bantuan mana-mana penaksir yang dinamakan;

(b) orang yang mengadakan suatu penyiasatan rasmi itu, yang kemudian daripada ini dalam seksyen ini disebut tribunal, hendaklah mengadakan dalam mahkamah terbuka mengikut cara dan dengan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan oleh mereka paling berkesan bagi memastikan sebab dan hal keadaan berlakunya kemalangan, kematian atau kecederaan diri dan bagi membolehkan mereka untuk membuat laporan yang dikehendaki oleh perenggan *(f)*;

(c) tribunal itu hendaklah, bagi maksud penyiasatan itu,

mempunyai semua kuasa seorang Majistret yang menjalankan bidang kuasa dalam kes jenayah dan, sebagai tambahan, kuasa—

(i) untuk memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau bangunan yang ternyata kepada mereka adalah perlu dimasuki atau diperiksa;

(ii) melalui saman yang ditandatangani sendiri oleh mereka, untuk menghendaki kehadiran semua orang yang difikirkan oleh mereka patut dipanggil ke hadapan mereka dan diperiksa, dan untuk menghendaki supaya diberi kepada mereka jawapan atau penyata yang difikirkan oleh mereka patut dibuat;

(iii) untuk menghendaki pengemukaan semua buku, kertas dan dokumen yang dianggapnya mustahak;

(iv) untuk mentadbirkan sumpah dan untuk menghendaki mana-mana orang yang diperiksa supaya membuat dan menandatangani suatu akuan kebenaran pernyataan yang dibuat olehnya dalam masa ia diperiksa;

(d) orang-orang yang hadir sebagai saksi di hadapan tribunal itu hendaklah diberi apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang diberikan kepada saksi yang hadir di hadapan Mahkamah Tinggi dalam kes jenayah, dan dalam hal pertikaian mengenai amaun yang hendak dibenarkan, petikaian itu hendaklah dirujukkan oleh tribunal itu kepada mana-mana Pendaftar Mahkamah Tinggi yang hendaklah memastikan dan memperakui amaun perbelanjaan yang sepatutnya;

(e) jika seseorang, tanpa sebab yang munasabah, yang bukti terletak padanya, tidak, selepas memperoleh perbelanjaan yang diberikan kepadanya, jika ada, yang dia berhak, mematuhi suatu saman atau permintaan

bertulis tribunal yang dikeluarkan atau dibuat di bawah perenggan *(c)*, atau menahan atau menghalang tribunal pada melaksanakan kewajipannya, dia melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda lima ratus ringgit, atau dalam hal tidak mematuhi suatu rekuisisi supaya memberikan jawapan atau penyata atau mengemukaan mana-mana buku, kertas atau dokumen, didenda selanjtnya satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari yang kegagalan itu berlaku atau berterusan;

(f) orang yang dilantik untuk membuat sesuatu siasatan, dan tribunal yang mengadakan sesuatu penyiasatan, di bawah seksyen ini hendaklah membuat suatu laporan kepada Menteri yang menyatakan sebab kemalangan, kematian atau kecederaan diri itu dan semua hal keadaan yang berkaitan dengan kejadian itu, dan laporan itu hendaklah mengandungi pemerhatian mengenainya atau mengenai keterangan atau mengenai apa-apa perkara yang berbangkit daripada siasatan atau penyiasatan itu sebagaimana yang difikirkan olehnya atau oleh mereka patut dimasukkan dalam laporan itu, dan Menteri hendaklah menyebabkan tiap-tiap laporan itu disiarkan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya suai manfaat.

(3) Semua orang yang dilantik di bawah seksyen ini untuk membuat suatu siasatan atau untuk mengadakan atau membantu mengadakan suatu penyiasatan rasmi, termasuk penaksir, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Siasatan atau inkues dalam hal kematian yang disebabkan oleh racun makhluk perosak

30. (1) Seseorang Majistret yang berkenaan hendaklah mengadakan, di bawah undang-undang yang berkaitan, suatu siasatan atau inkues dalam tiap-tiap kes kematian yang mungkin disebabkan oleh suatu racun makhluk perosak atau yang dalamnya suatu racun makhluk perosak mungkin telah terlibat, melainkan jika kes itu ialah kes yang, di bawah undang-undang berkaitan, tidak perlu diadakan, atau

Majistret itu tidak dikehendaki mengadakan, suatu siasatan atau inkues, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh sebab prosiding jenayah telah atau hampir, dibawa atau dimulakan terhadap mana-mana orang kerana telah menyebabkan kematian itu.

(2) Majistret itu hendaklah, sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum diadakan siasatan atau inkues itu, menghantar kepada Menteri notis secara bertulis tentang masa dan tempat bagi mengadakan siasatan atau inkues itu.

(3) Jika, dalam masa apa-apa siasatan atau inkues dijalankan, ternyata pada Majistret yang mengadakan siasatan atau inkues itu bahawa kematian yang menjadi hal perkara siasatan atau inkues itu mungkin telah disebabkan oleh suatu racun makhluk perosak atau ialah suatu kematian yang dalamnya suatu racun makhluk perosak mungkin telah terlibat, dia hendaklah, melainkan jika—

(a) notis yang dikehendaki oleh subseksyen (2) telah dihantar; atau

(b) seorang wakil Menteri hadir di siasatan atau inkues itu,

menangguhkan siasatan atau inkues itu, tetapi sebelum berbuat demikian dia boleh mengambil keterangan bagi mengecamkan mayat itu.

(4) Majistret itu hendaklah, sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum diadakan siasatan atau inkues yang ditangguhkan, menghantar kepada Menteri notis secara bertulis tentang masa dan tempat bagi mengadakan siasatan atau inkues yang ditangguhkan itu.

(5) Seorang wakil Menteri yang hadir di sesuatu siasatan atau inkues yang disebut dalam seksyen ini boleh, tertakluk pada perintah Majistret atau perkara undang-undang, memeriksa mana-mana saksi.

(6) Suatu salinan nota keterangan dan dapatan yang dibuat dalam tiap-tiap siasatan atau inkues itu hendaklah diberikan kepada Menteri tanpa bayaran.

(7) Seksyen ini hendaklah terpakai walau apa pun apa-apa jua

yang tidak selaras dengannya dalam undang-undang berkaitan tetapi hendaklah selainnya dibaca dan ditafsirkan sebagai satu dengan undang-undang berkaitan itu.

(8) Seksyen ini tidak terpakai bagi kes kehilangan jiwa manusia yang disebabkan oleh kemalangan iaitu yang mengenainya notis dikehendaki oleh Akta Hidrogen Sianid (Pengasapan) 1953 diberikan kepada Menteri yang berkenaan di bawah Akta itu.

(9) Dalam seksyen ini—

"Majistret yang berkenaan" ertinya Majistret yang kepadanya, di bawah undang-undang berkaitan, dihantar oleh pegawai penjaga suatu daerah polis atau suatu balai polis, laporan suatu penyiasatan sebab sesuatu kematian;

"undang-undang berkaitan" ertinya Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] atau *Ordinan Inkues bagi Sabah [*Ord. 6 tahun 1959*] atau Sarawak [*Bab 48*], mengikut mana-mana yang berkenaan.

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

Kemasukan, penggeledahan dan penyitaan

31. Seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh pada bila-bila masa yang munasabah masuk ke dalam mana-mana tempat yang sesuatu racun makhluk perosak adalah atau boleh semunasabahnya dianggap disimpan atau disetor dan, dengan sendirinya atau dengan mana-mana orang lain yang menyertainya dan yang bertindak di bawah arahannya dan dalam kehadirannya, boleh menggeledah tempat itu dan boleh—

(a) memeriksa dan, apabila membayar nilai pasaran semasanya, jika diminta, mengambil contoh apa-apa bahan yang didapati dalam tempat itu dan

Lihat P.U. (A) 97/76—Perintah Pengubahsuaian Undang-undang (Acara Jenayah) (Sabah dan Sarawak) 1976.

semunasabahnya dipercayai sebagai atau mengandungi suatu racun makhluk perosak;

(b) menghendaki dikemukakan, memeriksa, membuat salinan atau mengambil cabutan daripada, mana-mana buku atau rekod yang berhubungan dengan atau semunasabahnya dipercayai berhubungan dengan apa-apa perniagaan atau pengurusan racun makhluk perosak dan yang disimpan atau didapati dalam tempat itu dan boleh, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa buku atau rekod itu boleh memberikan keterangan tentang perlakuan suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, menyita buku atau rekod itu;

(c) menyita, menahan atau memindahkan apa-apa bahan yang didapati dalamnya dan yang semunasabahnya dipercayai sebagai atau mengandungi suatu racun makhluk perosak yang berkenaan dengannya suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan adalah sedang atau telah dilakukan, dan menandakan, mengelak atau selainnya mendapatkan bahan itu bagi melaksanakan penyitaan, penahanan atau pemindahan bahan itu.

Kuasa untuk memberhentikan dan menggeledah kenderaan

32. (1) Jika seseorang pegawai yang diberi kuasa mempunyai syak yang munasabah bahawa suatu kenderaan membawa suatu racun makhluk perosak yang melanggar Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan atau yang berkenaan dengannya suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan adalah sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa kenderaan itu dan menyita mana-mana racun makhluk perosak yang didapati dalam kenderaan itu yang berkenaan dengannya pelanggaran atau kesalahan itu disyaki sedang atau telah dilakukan dan mana-mana buku atau dokumen yang semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelanggaran atau pelakuan kesalahan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga kenderaan itu hendaklah, jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh pegawai yang diberi kuasa itu—

(a) memberhentikan kenderaan itu dan membenarkan pegawai yang diberi kuasa itu memeriksanya; dan

(b) membuka semua bahagian kenderaan untuk diperiksa dan mengambil segala langkah bagi membolehkan atau menyenangkan pelaksanaan pemeriksaan itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai yang diberi kuasa itu,

dan jika dia tidak berbuat demikian dia melakukan suatu kesalahan.

Pengenalan pegawai apabila mengambil tindakan

33. (1) Seseorang pegawai yang diberi kuasa mestilah, jika tidak berpakaian seragam, apabila diminta menyatakan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak perakuan pengenalan yang ditetapkan.

(2) Seseorang boleh enggan untuk mematuhi sesuatu permintaan, rekuisisi, tuntutan atau perintah yang dibuat oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa dan yang bertindak atau berupa sebagai bertindak di bawah Akta ini jika pegawai itu tidak berpakaian seragam dan enggan, apabila dituntut oleh orang itu, menyatakan jawatannya dan mengemukakan perakuan pengenalannya.

BAHAGIAN VIII

CERAKINAN

Pelantikan Ahli Cerakinan

34. Bagi maksud Akta ini, Menteri boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* melantik apa-apa bilangan orang yang kompeten sebagaimana yang difikirkannya perlu, menjadi Ahli Cerakinan.

Cara mengambil contoh

35. (1) Seseorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah, sebelum atau dengan serta-merta selepas mengambil atau memperoleh suatu contoh mana-mana bahan di bawah Akta ini bagi dicerakinkan, memberitahu penjual atau ejen atau penjawatnya atau orang yang nampaknya memiliki, menjaga, atau mengawal umpukan yang daripadanya contoh itu akan atau telah diambil atau diperoleh bahawa dia bercadang untuk mendapatkan contoh itu dicerakinkan oleh seorang Ahli Cerakinan.

(2) Pegawai yang diberi kuasa itu hendaklah selepas itu membahagikan contoh itu kepada tiga bahagian yang lebih kurang sama besarnya dan hendaklah menandakan, dan mengelak atau mengikat, mengikut cara yang dibenarkan oleh jenis contoh itu, setiap bahagian sedemikian dan hendaklah menawarkan satu daripada bahagian itu kepada penjual atau ejen atau penjawatnya atau seorang yang nampaknya memiliki, menjaga atau mengawal umpukan yang daripadanya contoh itu telah diambil atau diperoleh.

(3) Pegawai yang diberi kuasa hendaklah kemudiannya menyerahkan, sama ada secara sendiri, melalui pos berdaftar atau perkhidmatan kiriman cepat, suatu lagi bahagian itu kepada seorang Ahli Cerakinan, dan hendaklah menyimpan bahagian yang lagi satu itu untuk perbandingan atau penggunaan pada masa hadapan.

(4) Jika bahan itu adalah dalam bungkusan kecil, kehendak seksyen ini hendaklah disifatkan telah dipatuhi jika pegawai yang diberi kuasa itu mengambil atau memperoleh tiga bungkusan yang belum dibuka bahan itu dan menguruskan bungkusan itu seolah-olah bungkusan itu ialah tiga bahagian yang contoh itu dikehendaki dibahagikan.

Masa untuk memulakan cerakinan

35A. Jika apa-apa bahan telah dibeli, diambil atau diperoleh daripada seseorang di bawah Akta ini bagi maksud pencerakinan, pencerakinan bahan itu hendaklah dimulakan dalam tempoh enam puluh hari dari masa bahan itu dibeli, diambil atau diperoleh.

Mahkamah boleh memerintahkan cerakinan

36. Jika sesuatu contoh telah diuruskan mengikut seksyen 35, mahkamah yang di hadapannya seseorang didakwa kerana suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan hendaklah, atas permintaan sama ada pendakwa atau tertuduh, dan boleh, jika difikirkannya patut tanpa permintaan itu, memerintahkan supaya bahagian contoh yang disimpan oleh pegawai yang diberi kuasa itu dikemukakan kepada seorang Ahli Cerakinan lain supaya dicerakinkan.

Hak untuk mencerakinkan racun makhluk perosak

37. (1) Seseorang yang telah membeli sesuatu racun makhluk perosak adalah, apabila dibayar bayaran yang ditetapkan, berhak untuk memperoleh sesuatu contoh racun makhluk perosak yang dicerakinkan oleh seorang Ahli Cerakinan dan untuk menerima daripadanya suatu perakuan cerakinan.

(2) Seseorang, selain penjual racun makhluk perosak itu, boleh, apabila dibayar bayaran yang ditetapkan dan kos contoh itu, menghendaki seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk membeli suatu contoh mana-mana racun makhluk perosak dan mengemukakannya supaya dicerakinkan oleh seorang Ahli Cerakinan.

Perakuan Ahli Cerakinan

38. (1) Perakuan cerakinan seorang Ahli Cerakinan hendaklah mengikut bentuk yang ditetapkan.

(2) Jika sesuatu kaedah-kaedah cerakinan telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini bagi mencerakinkan mana-mana makanan atau racun makhluk perosak, seseorang Ahli Cerakinan, sama ada pada pihak pendakwa atau pada pihak tertuduh, hendaklah mengikuti, dan hendaklah dalam perakuannya mengaku bahawa dia telah mengikuti, cara yang ditetapkan dalam cerakinannya.

(3) Suatu salinan perakuan cerakinan suatu contoh mana-mana makanan atau racun makhluk perosak yang diambil atau diperoleh oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh, apabila dibayar bayaran yang ditetapkan, diperoleh daripada Ahli Cerakinan yang berkenaan oleh penjual makanan atau racun makhluk perosak itu atau ejen atau penjawatnya, atau oleh orang yang memiliki, menjaga atau mengawal umpukan yang daripadanya contoh itu telah diambil atau diperoleh.

Perakuan Ahli Cerakinan hendaklah menjadi keterangan *prima facie*

39. (1) Suatu perakuan cerakinan yang berupa sebagai ditandatangani oleh seorang Ahli Cerakinan dan yang mematuhi subseksyen 38(2) hendaklah, apabila dikemukakannya oleh pendakwa, menjadi keterangan yang cukup bagi fakta yang dinyatakan dalamnya melainkan jika tertuduh menghendaki Ahli Cerakinan itu dipanggil sebagai seorang saksi, yang dalam hal itu dia hendaklah memberi notis berkenaan dengannya kepada pendakwa itu tidak kurang daripada sepuluh hari genap sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran kes itu.

(2) Demikian juga suatu perakuan cerakinan sedemikian hendaklah, apabila dikemukakannya oleh tertuduh, menjadi keterangan yang cukup bagi fakta yang dinyatakan dalamnya melainkan jika pendakwa menghendaki Ahli Cerakinan itu dipanggil sebagai seorang saksi, yang dalam hal itu dia hendaklah memberikan notis berkenaan dengannya kepada tertuduh itu tidak kurang daripada sepuluh hari genap sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran kes itu.

(3) Jika tertuduh bercadang untuk menggunakan sabagai keterangan sesuatu perakuan cerakinan seorang Ahli Cerakinan, dia hendaklah menghantar kepada pendakwa suatu salinan terperaku perakuan itu sekurang-kurangnya empat belas hari genap sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran kes itu, dan jika salinan itu tidak dihantar sedemikian mahkamah boleh menangguhkan pendengaran itu atas sebarang terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

Mendapatkan bayaran dan perbelanjaan lain

40. (1) Jika seseorang disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan mahkamah boleh memerintahkan supaya semua bayaran dan perbelanjaan lain yang dilakukan berkenaan dengan cerakinan mana-mana makanan atau racun makhluk perosak berkenaan dengannya sabitan itu didapati, termasuk suatu cerakinan yang dibuat menurut seksyen 36, dibayar oleh orang itu.

(2) Semua bayaran dan perbelanjaan itu boleh didapatkan mengikut cara yang sama sebagaimana suatu denda boleh didapatkan.

BAHAGIAN IX

PROSIDING

Notis penyitaan, penahanan atau pemindahan

41. Jika penyitaan, penahanan atau pemindahan apa-apa bahan di bawah Akta ini dibuat semasa ketidakhadiran seseorang yang mempunyai atau nampaknya mempunyai milikan, jagaan atau kawalan yang sah bahan itu, pegawai yang diberi kuasa yang membuat atau menguatkuasakan penyitaan, penahanan atau pemindahan itu hendaklah dengan serta-merta memberi notis berkenaan dengannya secara bertulis kepada pemunya atau kepada ejen pemunya, atau kepada pemberi konsain atau penerima konsain, bahan itu, jika nama dan alamatnya disertakan bersama dengan bahan itu atau, selepas siasatan yang munasabah atau selainnya, diketahui oleh pegawai yang diberi kuasa dan alamat itu adalah dalam Malaysia.

Aduan mengenai penyitaan, penahanan atau pemindahan

42. (1) Seseorang yang menuntut apa-apa bahan yang disita, ditahan atau dipindahkan di bawah Akta ini boleh, pada bila-bila masa, tetapi tidak lewat daripada empat puluh lapan jam, selepas penyitaan, penahanan atau pemindahan bahan itu atau, jika notis di bawah

seksyen 41 telah diberikan kepada mana-mana orang, selepas penerimaan notis itu oleh orang itu yang mengadu berkenaan dengan penyitaan, penahanan atau pemindahan itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mendengar dan memutuskan aduan itu dan yang boleh mengesahkan atau tidak membenarkan penyitaan, penahanan atau pemindahan keseluruhan bahan itu atau sebahagiannya atau memerintahkan supaya bahan itu dikembalikan kepada orang yang ternyata pada Majistret adalah berhak memilikinya.

(2) Majistret itu tidak boleh tidak membenarkan penyitaan, penahanan atau pemindahan, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, melainkan jika dia berpuas hati—

(a) bahawa penyitaan, penahanan atau pemindahan itu adalah tidak sah; atau

(b) jika penyitaan, penahanan atau pemindahan itu adalah sah, bahawa tiada pelanggaran Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan telah berlaku.

(3) Bahan yang disita, ditahan atau dipindahkan itu hendaklah—

(a) jika tiada aduan dibuat di bawah dan mengikut seksyen ini; atau

(b) jika penyitaan, penahanan atau pemindahan itu disahkan, setakat pengesahan itu,

menjadi harta Kerajaan dan hendaklah dilupuskan, secara dibinasakan atau selainnya, sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, melainkan jika ia dicadangkan untuk mendakwa mana-mana orang berkenaan dengan bahan itu, yang dalam hal itu bahan itu hendaklah dipegang untuk mematuhi keputusan pendakwaan dan perintah mahkamah di bawah seksyen 49.

(4) Walau apa pun subseksyen (3)—

(a) pegawai yang diberi kuasa menyita, menahan atau memindahkan sebarang bahan boleh membinasakannya

atau menyebabkan ia dibinasakan jika dan apabila dia mendapati bahawa bahan itu telah menjadi rosak tetapi hendaklah, dengan serta-merta selepas pembinasaan itu, menyediakan suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani olehnya dan menyatakan perihalan dan kuantiti bahan yang dibinasakan itu, dan tarikh, masa, kaedah-kaedah dan sebab pembinasaan itu;

(b) Menteri boleh pada bila-bila masa memerintahkan supaya dikembalikan bahan itu kepada mana-mana orang jika difikirkannya adil dan wajar untuk berbuat demikian.

Saman

43. (1) Saman dalam suatu pendakwaan bagi sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan tidak boleh dikembalikan kurang daripada dua puluh satu hari dari tarikh penyampaian saman itu.

(2) Hendaklah disampaikan bersama saman itu suatu salinan perakuan cerakinan seorang Ahli Cerakinan, jika ada, yang dicadangkan hendak dikemukakan sebagai keterangan oleh pihak pendakwa.

44. (*Dipotong oleh Akta A1226*).

Anggapan mengenai pengimport atau pengilang

45. Bagi maksud suatu pendakwaan bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan berkenaan dengan suatu racun makhluk perosak yang didapati dalam suatu bungkusan tidak terbuka, orang yang ternyata daripada label racun makhluk perosak itu telah mengimport atau mengilangkannya hendaklah, melainkan jika membuktikan akasnya, disifatkan telah mengimport atau mengilang bahan itu.

Label sebagai keterangan bahawa bahan ialah racun makhluk perosak

45A. Bagi maksud suatu pendakwaan bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan berkenaan dengan suatu bahan yang terdapat dalam suatu bungkusan, label pada bungkusan itu yang memperihalkan bahan itu sebagai suatu racun makhluk perosak hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa bahan itu ialah racun makhluk perosak, melainkan jika dibuktikan akasnya.

Anggapan bagi penjualan atau penyimpanan untuk jualan

45B. Bagi maksud suatu pendakwaan bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan berkenaan dengan suatu racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini yang terdapat dalam mana-mana premis yang telah dilesenkan untuk penjualan atau penyimpanan untuk jualan racun makhluk perosak, racun makhluk perosak sedemikian hendaklah, melainkan jika dibuktikan akasnya, disifatkan dimaksudkan untuk penjualan atau disimpan untuk jualan.

Tanggungan ejen, pekhidmat, prinsipal dan majikan

46. (1) Jika seseorang melakukan suatu perbuatan yang menjadi suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, dia bertanggungan bagi perbuatan itu sama ada dia membuatnya bagi dirinya sendiri atau sebagai seorang ejen atau pekhidmat seorang lain.

(2) Jika perbuatan itu dilakukan oleh seorang ejen atau pekhidmat, prinsipalnya atau majikannya adalah bertanggungan bagi perbuatan itu seolah-olah prinsipal atau majikan itu telah melakukannya sendiri, melainkan jika dia membuktikan bahawa perbuatan itu telah dilakukan tanpa dipersetujui dan tanpa dibiarkan olehnya dan perbuatan itu tidak disebabkan oleh apa-apa keabaian pada pihaknya.

Tanggungan pengarah dan pegawai lain pertubuhan perbadanan

47. (1) Jika sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan dibuktikan telah dilakukan dengan dipersetujui atau dibiarkan, atau telah disebabkan oleh apa-apa keabaian pada pihak seorang pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai seumpama lain pertubuhan perbadanan itu, atau seorang yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai itu, maka pengarah, pengurus, setiausaha, pegawai, atau orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan telah juga melakukan kesalahan itu, dan dia dan pertubuhan perbadanan itu boleh diambil prosiding terhadapnya dan boleh dihukum baginya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pengarah sesuatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang dan hal ehwalnya diuruskan oleh ahlinya, termasuklah seorang ahli pertubuhan perbadanan itu.

Kesalahan mengenai contoh disifatkan kesalahan mengenai keseluruhan umpukan

48. Jika, dalam sesuatu pendakwaan bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, kesalahan itu dibuktikan berkenaan dengan suatu contoh apa-apa bahan, kesalahan itu hendaklah disifatkan telah dibuktikan berkenaan dengan keseluruhan umpukan yang daripadanya contoh itu telah diambil atau diperoleh atau berkenaan dengan kesemua bahan itu yang dibeli, diambil atau diperoleh pada masa yang sama dengan contoh itu.

Pelucuthakan bahan salah

49. (1) Mahkamah yang di hadapannya seseorang itu didakwa bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang berhubungan dengan apa-apa bahan hendaklah—

(a) apabila disabitkan orang itu dengan kesalahan itu; atau

(b) jika dia berpuas hati bahawa kesalahan itu telah dilakukan, walaupun tiada seorang pun yang disabitkan dengan kesalahan itu,

memerintahkan supaya bahan itu dan apa-apa bahan yang serupa yang didapati dalam premis tertuduh atau dalam milikannya pada masa kesalahan itu dilakukan, bersama dengan segala bungkusan dan vesel bahan itu, dilucuthakkan dan dilupuskan mengikut arahan Menteri, dan dalam hal pelupusan apabila seseorang disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, kos bagi pelupusan sedemikian hendaklah ditanggung oleh orang yang disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Dalam mana-mana hal lain, mahkamah hendaklah memerintahkan supaya dikembalikan bahan itu kepada orang yang ternyata kepada mahkamah berhak memiliki bahan itu.

Bidang kuasa

50. Walau apa pun apa-apa jua yang bertentangan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, suatu Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan sebarang kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan dan untuk mengenakan penalti penuh yang diperuntukkan baginya.

Keistimewaan daripada penzahiran

51. Tiada pendakwa atau saksi dalam sesuatu pendakwaan bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan boleh dipaksa untuk menzahirkan fakta bahawa dia telah menerima apa-apa maklumat atau jenis maklumat atau nama orang yang memberikan maklumat atau untuk mengemukakan mana-mana laporan atau dokumen sulit yang dibuat atau diterima olehnya atas sifat rasminya atau untuk membuat sesuatu pernyataan berhubungan

dengannya.

Pemberitahuan sabitan

52. Suatu pemberitahuan nama dan pekerjaan seseorang yang telah disabitkan dengan suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan dan alamat tempat perniagaannya, jenis kesalahan itu, penalti yang dikenakan dan apa-apa perintah yang dibuat hendaklah, jika diperintahkan sedemikian oleh mahkamah, disiarkan dalam mana-mana akhbar yang diedarkan dalam Malaysia atau dalam mana-mana bahagian daripadanya.

BAHAGIAN X

AM

Memberi atau membuat maklumat atau pernyataan palsu

53. Seseorang yang, membuat suatu permohonan di bawah Akta ini selain suatu permohonan bagi mendapatkan suatu lesen untuk menjual atau menyimpan untuk jualan suatu racun makhluk perosak, memberi maklumat atau membuat suatu pernyataan yang palsu pada apa-apa butir material, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia tidak mengetahui dan tidak mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa maklumat atau pernyataan itu adalah palsu dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan kebenarannya, melakukan suatu kesalahan dan boleh dipenjarakan selama satu tahun atau didenda dua puluh lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

Pemilikan atau penggunaan racun makhluk perosak yang tidak didaftarkan dan penggunaan racun makhluk perosak dengan cara yang tidak diluluskan

53A. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 14 dan 14A, tiada seorang pun boleh—

(a) memiliki atau menggunakan racun makhluk perosak yang pada masa ini tidak didaftarkan di bawah Akta ini; atau

(*b)* menggunakan racun makhluk perosak selain mengikut penggunaan yang dinyatakan pada label, sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan kali pertama, dipenjarakan selama satu tahun atau didenda sepuluh ribu ringgit dan, apabila disabitkan kali kedua atau kemudiannya, dipenjarakan selama tiga tahun atau didenda dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Gangguan pada tanda rasmi

54. Seorang yang tanpa kebenaran membuka, mengubah, memecahkan, memindahkan, atau memadamkan apa-apa tanda, pemasangan atau meterai yang diletakkan oleh seorang pegawai yang diberi kuasa menurut peruntukan Akta ini pada mana-mana bahan atau pada mana-mana bungkusan, tempat, pintu, atau ruang yang mengandungi atau yang memberi akses kepada bahan itu melakukan suatu kesalahan.

Kerahsiaan

55. Kecuali bagi maksud Akta ini atau maksud suatu penyiasatan atau dakwaan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, tiada seseorang boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah didapati olehnya dalam masa menjalankan

kewajipannya di bawah Akta ini, dan jika dia berbuat sedemikian, dia melakukan suatu kesalahan.

Penalti am

56. Seorang yang melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, yang baginya tiada penalti lain diperuntukkan secara khusus baginya, boleh apabila disabitkan kali pertama, dipenjarakan selama enam bulan atau didenda lima ribu ringgit dan, apabila disabitkan kali kedua atau kemudiannya, dipenjarakan selama satu tahun atau didenda sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan

57. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, membuat kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan bagi menjalankan maksud Akta ini dan untuk menguatkuasakan peruntukannya dan khususnya, tanpa menyentuh keluasan kuasa yang disebut terdahulu, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan itu boleh—

(a) menentukan tatacara yang hendaklah diikuti dan borang yang hendaklah digunakan pada membuat permohonan di bawah Akta ini dan bayaran yang kena dibayar baginya;

(b) membuat peruntukan secara am bagi perkara yang berkaitan dengan pendaftaran, pelesenan dan pengeluaran permit;

(c) menentukan tatacara bagi rayuan dan menunjukkan sebab di bawah Akta ini;

(d) menetapkan cara menguji dan mencerakinkan contoh sesuatu makanan atau racun makhluk perosak;

(e) menetapkan langkah yang hendaklah diambil dan amalan yang hendaklah diikuti atau dielakkan oleh pengilang dan

majikan bagi perlindungan, keselamatan dan kebajikan pekerja mereka yang terlibat dalam pengilangan atau pengendalian racun makhluk perosak, termasuk—

(i) peruntukan pakaian perlindungan, alat kelengkapan dan kemudahan bagi pekerja;

(ii) peruntukan kemudahan bagi pekerja mendapatkan pemeriksaan perubatan;

(iii) peruntukan kemudahan bagi memastikan pekerja mendapat rawatan pertolongan cemas;

(iv) memberi pekerja panduan dan latihan dalam mengilang atau dalam mana-mana proses mengilang, dan mengendalikan, racun makhluk perosak; dan

(v) langkah yang hendaklah diambil dalam hal keracunan melalui pengunaan atau pengendalian racun makhluk perosak oleh pekerja;

(f) menentukan kehendak yang hendaklah dipatuhi dalam mengangkut racun makhluk perosak secara pukal;

(g) menetapkan cara menyimpan atau menaruh racun makhluk perosak;

(h) menetapkan cara melabelkan dan mempek racun makhluk perosak, perkara yang hendaklah ditunjukkan pada label racun makhluk perosak, dan orang yang bertanggungan bagi pelanggaran berkenaan dengan melabel dan mempek;

(i) membuat peruntukan bagi mencelup atau mewarnakan racun makhluk perosak tertentu;

(j) membuat peraturan-peraturan mengenai cara penggunaan racun makhluk perosak tertentu dan langkah keselamatan

yang hendaklah diambil berkenaan dengannya.

(k) dengan tujuan untuk melindungi orang daripada bahaya berkaitan dengan pengasapan, penyemburan atau apa-apa cara rawatan lain premis dan barang, termasuk kapal dan kenderaan, dan pengasapan, penyemburan, atau rawatan bagi maksud pertanian, dengan suatu racun makhluk perosak—

(i) membuat peraturan-peraturan secara am bagi pengasapan, penyemburan, atau rawatan itu;

(ii) membuat peraturan-peraturan bagi cara yang racun makhluk perosak itu hendaklah dihasilkan atau dipakai dan menghendaki supaya dicampurkan dengannya apa-apa bahan;

(iii) melarang dijalankan pengasapan, penyemburan, atau rawatan kecuali oleh atau di bawah penyeliaan orang yang mempunyai latihan atau pengalaman itu dan oleh apa-apa bilangan orang sebagaimana dinyatakan;

(iv) melarang dijalankan pengasapan, penyemburan, atau rawatan kecuali oleh orang yang diberikan lesen untuk menjalankannya;

(v) membuat peraturan-peraturan bagi pengeluaran, penggantungan, atau pembatalan lesen untuk menjalankan pengasapan, penyemburan, atau rawatan dan bagi terma dan syarat yang tertakluk pada lesen itu boleh dikeluarkan dan bayaran yang hendaklah dikenakan baginya;

(vi) membuat peraturan-peraturan bagi melupuskan hampas apa-apa bahan yang digunakan dalam pengasapan, penyemburan, atau rawatan itu;

(vii) mengenakan sekatan sementara mengenai penggunaan mana-mana premis, barang, kapal atau

kenderaan dan menghendaki supaya apa-apa ujian sebagaimana yang dinyatakan dijalankan selepas pengasapan, penyemburan, atau rawatan itu;

(l) membuat peraturan-peraturan bagi pengiklanan racun makhluk perosak;

(m) membuat peruntukan bagi mengawal racun makhluk perosak yang diimport di bawah suatu permit di bawah seksyen 14;

(n) membuat peraturan-peraturan mengenai cara Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak, Ahli Cerakinan, dan pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta ini menjalankan kewajipan;

(o) menetapkan bayaran yang kena dibayar di bawah Akta ini;

(oa) membuat peraturan-peraturan mengenai pengeksportan racun makhluk perosak; dan

(p) menetapkan apa-apa jua yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini.

(2) Jika sesuatu penentuan standard berkenaan dengan suatu racun makhluk perosak telah diisytiharkan di bawah seksyen 28 Akta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975, Lembaga, pada membuat kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan di bawah subseksyen (1) yang menetapkan label atau bungkusan racun makhluk perosak itu, hendaklah, sebagai tambahan kepada perkara lain, menimbangkan kehendak berkaitan penentuan standard dan keperluan atau selainnya menerima pakai mana-mana atau semua kehendak itu.

(3) Kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh membuat peruntukan bagi anggapan, yang boleh dipatahkan, untuk memudahkan pembuktian perbuatan atau peninggalan yang menjadi suatu kesalahan di bawahnya.

(4) Jika mana-mana prosiding atau pendakwaan di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan atau dalam pentadbirannya, suatu soalan atau pertikaian berbangkit mengenai betulnya atau kebolehterimaan keputusan suatu ujian atau cerakinan mana-mana bahan atau suatu contoh daripadanya, keputusan yang didapati daripada suatu ujian atau cerakinan yang dijalankan secara yang ditetapkan di bawah perenggan (1)*(d)* hendaklah dikira dan diterima sebagai keputusan yang betul.

Pindaan Jadual

58. Menteri boleh dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan atau atas nasihat Lembaga, melalui perintah meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua.

Pengecualian

59. Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* dan tertakluk pada apa-apa syarat yang dinyatakan dalamnya, mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.

BAHAGIAN XI

PINDAAN, PEMANSUHAN DAN PENGECUALIAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN

Pemotongan bahan-bahan tertentu daripada P.T.M. 29/52

60. (1) Tertakluk pada dan kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen (2), *Ordinan Racun 1952 [*P.T.M. 29 tahun 1952*] hendaklah terhenti terpakai bagi bahan yang disenaraikan dalam Bahagian I Jadual Ketiga Akta ini dan oleh itu Ordinan itu dipinda dengan—

CATATAN—Ordinan Racun 1952 [*P.T.M. 29 tahun 1952*] telah digantikan dan disemak—*lihat* seksyen yang berkaitan dalam Akta Racun 1952 [*Akta 366*].

(a) memotong daripada Senarai Racun yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Ordinan itu semua catatan yang berhubungan dengan bahan itu; dan

(b) memotong daripada Lampiran kepada Senarai Racun tersebut catatan yang disenaraikan dalam Bahagian II Jadual Ketiga Akta ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1) dan peruntukan lain Akta ini—

(a) seseorang yang, menurut kuasa suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Ordinan itu atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, sebelum permulaan kuat kuasa seksyen ini, adalah, jika tidak kerana Akta ini, berhak untuk melakukan apa-apa perbuatan atau perkara berhubungan dengan suatu bahan yang disenaraikan dalam Bahagian I Jadual Ketiga Akta ini boleh, semasa tempoh yang lesen itu adalah sah, terus melakukan perbuatan atau perkara itu tertakluk pada terma atau syarat lesen itu dan hendaklah, pada melakukan atau berhubung dengan melakukan perbuatan atau perkara itu, terus terletak di bawah kawalan Ordinan itu dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

(b) jika pihak berkuasa pelesenan yang berkenaan di bawah Ordinan itu atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya berpendapat, selepas berunding dengan Lembaga, bahawa perlu untuk berbuat demikian supaya perniagaan atau aktiviti seseorang yang disebut dalam perenggan *(a)* tidak secara yang tidak wajar dimudaratkan oleh apa-apa kelewatan pada melaksanakan dengan sepenuhnya Akta ini, pihak berkuasa pelesenan itu boleh, apabila habis tempoh lesen semasa orang itu, dari semasa ke semasa mengeluarkan kepadanya suatu lesen lain seperti itu di bawah, mengikut dan tertakluk pada Ordinan itu dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya seolah-olah Ordinan dan peraturan-peraturan itu terus terpakai bagi bahan yang berkenaan dalam lesen itu, dan perenggan *(a)* hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi orang itu;

(c) seseorang yang, jika tidak kerana Akta ini, berhak melakukan sesuatu perbuatan atau perkara menurut kuasa subseksyen 4(3) atau seksyen 15 Ordinan itu hendaklah terus berhak sedemikian berhubungan dengan suatu bahan yang disenaraikan dalam Bahagian I Jadual Ketiga Akta ini dan hendaklah, pada melakukan atau berhubungan dengan melakukan perbuatan atau perkara itu, terus terletak di bawah kawalan Ordinan itu dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

(d) seseorang yang, jika tidak kerana Akta ini, berhak, menurut kuasa perenggan 9(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* Ordinan itu, mendispens, membancuh atau mencampurkan mana-mana bahan yang disenaraikan dalam Bahagian I Jadual Ketiga Akta ini dengan apa-apa bahan lain bagi maksud digunakannya bagi rawatan perubatan hendaklah terus berhak sedemikian dan, pada melakukan atau berhubungan dengan melakukan perbuatan tersebut, hendaklah terus terletak di bawah kawalan Ordinan itu dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

(e) peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Ordinan itu berhubungan dengan pemilikan, bekas, pembungkusan, pelabelan, atau penyimpanan racun secara am atau racun tertentu dan yang boleh dipakai, sebaik sebelum seksyen ini mula berkuat kuasa, bagi bahan yang disenaraikan dalam Bahagian I Jadual Ketiga Akta ini atau bagi mana-mana satu daripadanya atau lebih hendaklah, walau apa pun dan dengan tidak mengambil kira kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, terus boleh terpakai sedemikian dan boleh dikuatkuasakan di bawah Ordinan itu sehingga peraturan-peraturan yang mula-mula disebut dipinda secara nyata untuk memotong bahan itu daripada terletak di bawah kuat kuasa peraturan-peraturan itu, apabila dipinda sedemikian kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang berhubungan dengan perkara itu hendaklah terpakai atau dijadikan terpakai, mengikut

mana-mana yang berkenaan, bagi bahan itu.

Kawalan dalam Malaysia Barat bahan yang merupakan racun dan juga racun makhluk perosak

61. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai berhubungan dengan suatu bahan yang merupakan suatu racun sebagaimana yang ditakrifkan dalam Ordinan Racun 1952 dan juga suatu racun makhluk perosak sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta mi.

(2) Seseorang yang melakukan suatu perbuatan atau perkara berhubungan dengan bahan itu, yang perbuatan atau perkara yang dibenarkan oleh atau di bawah Ordinan itu atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau yang tidak, jika tidak kerana Akta ini, menjadi suatu kesalahan menurut kuasa suatu lesen, kebenaran, pengecualian atau kecualian di bawah, atau menurut kuasa mana-mana peruntukan, Ordinan itu atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, tidak boleh didakwa di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan itu kerana melakukan perbuatan atau perkara itu.

(3) Seseorang yang melakukan suatu perbuatan atau perkara berhubungan dengan bahan itu, yang perbuatan atau perkara yang dibenarkan oleh atau di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan atau yang tidak, jika tidak kerana Ordinan itu, menjadi suatu kesalahan menurut kuasa suatu pendaftaran, lesen, permit, kebenaran, pengecualian atau kecualian di bawah, atau menurut kuasa mana-mana peruntukan, Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan tidak boleh didakwa di bawah Ordinan itu atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya kerana melakukan perbuatan atau perkara itu.

Pemotongan bahan tertentu daripada Sabah Bab 100

62. (1) Tertakluk pada dan kecuali sebagaimana yang diperuntukkan

oleh subseksyen (2), *Ordinan Racun dan Dadah Berbencana Negeri Sabah [*Bab 100*] hendaklah terhenti terpakai bagi bahan yang disenaraikan dalam Bahagian III Jadual Ketiga Akta ini dan oleh itu Ordinan itu dipinda dengan memotong daripada Jadual Pertama Ordinan itu semua catatan berhubungan dengan bahan itu.

(2) Ordinan itu dipinda selanjutnya dengan memotong perkataan "Substances for use in agriculture and horticulture" yang ada bertentangan dengan catatan "Metanitrophenol; orthonitrophenol; and paranitrophenol" yang ditambahkan kepada Jadual Pertama Ordinan itu oleh *Warta* Negeri Sabah Nombor S. 33 tahun 1969.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan peruntukan lain Akta ini—

(a) seseorang yang, menurut kuasa suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Ordinan itu, sebelum permulaan kuat kuasa seksyen ini, adalah, jika tidak kerana Akta ini, berhak untuk melakukan apa-apa perbuatan atau perkara berhubung dengan suatu bahan yang disenaraikan dalam Bahagian III Jadual Ketiga Akta ini boleh, sepanjang tempoh yang lesen itu adalah sah, terus melakukan perbuatan atau perkara itu tertakluk pada terma atau syarat atau batasan lesen itu dan hendaklah, pada melakukan atau berhubung dengan melakukan perbuatan atau perkara itu, terus terletak di bawah kawalan Ordinan itu;

(b) jika pihak berkuasa pelesenan yang berkenaan di bawah Ordinan itu berpendapat, selepas berunding dengan Lembaga, bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian supaya perniagaan atau aktiviti seseorang yang disebut dalam perenggan *(a)* tidak secara yang tidak wajar dimudaratkan oleh apa-apa kelewatan pada melaksanakan dengan sepenuhnya Akta ini, pihak berkuasa pelesenan itu boleh, apabila habis tempoh lesen semasa orang itu, dari semasa ke semasa mengeluarkan

*CATATAN—*Lihat* P.U. (A) 157/78—Perintah Pengubahsuaian Undang-undang (Racun dan Dadah Berbahaya) (Peluasan dan Pengubahsuaian) 1978.

kepadanya suatu lesen lain seperti itu di bawah, mengikut dan tertakluk pada Ordinan itu seolah-olah Ordinan dan peraturan-peraturan itu terus terpakai bagi bahan yang berkenaan dalam lesen itu, dan perenggan *(a)* hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi orang itu;

